

Dr M kekal penasihat

MT putuskan tidak ambil tindakan terhadap bekas PM

Oleh Azman Zakaria,
Wan Hazmir Bakar
dan Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Walaupun Tun Dr Mahathir Mohamad terus mengkritik kerajaan secara terbuka, Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam memutuskan tidak mengambil tindakan terhadapnya dan beliau kekal sebagai penasihat beberapa syarikat serta badan separa kerajaan.

Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kepimpinan parti mahu memberi peluang kepada Dr Mahathir menyatakan segala yang terbuku di hatinya dan kerajaan akan menjawab secara terbuka kritikan itu.

"Di mana wajar, kita beri jawapan secara terbuka supaya tegur atau kritik kita secara terbuka akan dijawab secara terbuka juga supaya semua rakyat memahaminya," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini, semalam.

Dr Mahathir, Penasihat Petronas, Proton dan Lembaga Pembangunan

Langkawi (Lada) mengulangi kritikan terbukanya terhadap kepimpinan kerajaan sehari selepas pertemuan empat mata dengan Abdullah pada 22 Oktober lalu.

Ekoran tindakannya itu Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid mencadangkan supaya bekas Perdana Menteri itu ditamatkan perkhidmatan sebagai penasihat badan-badan kerajaan berkenaan manakala Pemuda Umno Kedah pula mencadangkan agar Umno mengganung keanggotaan Dr Mahathir.

Abdullah berkata, mesyuarat MT membincangkan cadangan kepimpinan Umno Kedah itu dan me-

“Tidak ada seorang pun yang kebal. Soal untuk kami memutuskan sama ada mengambil tindakan atau tidak”

Abdullah Ahmad Badawi
Presiden Umno

ngambil keputusan Dr Mahathir tidak diberhentikan daripada kedudukannya sebagai penasihat badan kerajaan itu.

Ditanya apakah bekas Presiden Umno kebal terhadap tindakan disiplin, Abdullah menegaskan ia hak MT menentukan masanya bertindak.

“Tak ada seorang pun yang kebal. Ia soal untuk kami memutuskan sama ada mengambil tindakan atau tidak. Buat masa sekarang, kami tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap beliau,” katanya.

Perdana Menteri turut menafikan Umno takut mengambil tindakan terhadap bekas Perdana Menteri itu.

“Tidak, ia bukan soal takut, tetapi soal kami tidak fikir kami mahu mengambil tindakan terhadapnya sekarang. Biarkan dia kata apa yang dia nak kata, biar habis bercakap, senang kita tahu,” katanya.

Ditanya sama ada beliau bersedia mengadakan pertemuan sekali lagi dengan Dr Mahathir jika ada pihak ketiga mengaturnya, Perdana Menteri enggan menjawab kerana soalan itu adalah spekulatif.

Mengenai gesaan Umno Bahagian Kubang Pasu supaya Dr Mahathir

tidak terlalu kritikal terhadap kerajaan dan kepimpinan Abdullah, bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau ‘sedang mempertimbangkan secara mendalam’.

Mengenai laporan polis dibuat bekas Ketua Pemuda Parti Keadilan Rakyat, Ezam Mohd Nor, berhubung dakwaan beliau dan Dr Mahathir menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan keluarga, Abdullah berkata:

“Saya tidak pernah membuat sesuatu atau mengambil tindakan menyalahgunakan kuasa saya dalam hal yang bersabit dengan anak saya.”

Ditanya apakah beliau bersedia mengumumkan harta milik anaknya bagi membuktikannya, Perdana Menteri berkata: “Itu hak ahli keluarga saya... tentang harta mereka itu tidak payah saya umumkan, tidak ada kesalahan pada pihak mereka yang memerlukan membuat perisytiharan tentang harta mereka.”

Beliau juga menolak andaian bahawa tindakan tidak mengisytiharkan harta itu bercanggah dengan konsep ketelusan yang diterapkan dalam pentadbiran sekarang.

“Ini bukan isu ketelusan, itu hak orang,” katanya.

PERDANA
LEADERSHIP
IN
KEPIMPINAN
PERDANA